

Headline **Karya tempatan di pentas dunia**  
Date **30 Jun 2009**  
MediaTitle **Dewan Masyarakat**  
Section **NEWS**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Monthly**  
ADValue **3,563**

Language **Malay**  
Page No **62,63**  
Article Size **799 cm<sup>2</sup>**  
Color **Full Color**  
PRValue **10,688**



## Komentaar Ahli Lembaga Pengelola DBP

**J**ika *Kampung Boy* karya kartunis Lat atau nama sebenarnya Dato' Mohd Nor Khalid, dikenali di peringkat antarabangsa, tidak mustahil karya agung tempatan jika diberikan promosi besar-besaran mampu menembusi pasaran buku antarabangsa.

*Kampung Boy* yang diterbitkan pada 1979 sudah diterjemahkan ke dalam pelbagai bahasa termasuk bahasa Inggeris (untuk edaran Amerika Syarikat), bahasa Perancis, Korea, Jepun, Portugis, Sepanyol dan Jerman.

Berdasarkan pengalaman Abdul Halim Ismail (Ahli Ganti) Lembaga Pengelola Dewan Bahasa dan Pustaka yang juga Ahli Lembaga Urus Setia Tetap Majlis Buku Kebangsaan Malaysia (MBKM), yang menyertai delegasi Malaysia memperkenalkan kartunis Lat ketika berlangsungnya Pesta Buku Antarabangsa Frankfurt pada Oktober tahun lalu, didapati penerbit buku dari Itali, Jordan, dan Australia sangat berminat membeli hak cipta *Kampung Boy*. Penerbit antarabangsa sangat meminati *Kampung Boy* kerana karya tersebut dekat di hati pembaca dan menggambarkan budaya hidup sebenar rakyat Malaysia.

Pada Oktober ini, sekali lagi Malaysia cuba menarik perhatian penerbit antarabangsa di Pesta Buku Antarabangsa Frankfurt menerusi usaha untuk memperkenalkan karya agung negara, *Hikayat Hang Tuah* yang diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris oleh Sasterawan Negara, Profesor Dr. Muhammad Haji Salleh, terbitan Institut Terjemahan Negara Malaysia (ITNM). Senario ini dijangka memberikan nafas lega

terhadap perkembangan industri buku negara yang agak malap kebelakangan ini.

Perkembangan sihat industri buku negara ini sangat melegakan Halim. Katanya, sambutan pengunjung terhadap Pesta Buku Kuala Lumpur 2008 (PBKL) misalnya di luar jangkaan dengan kehadiran pengunjung kira-kira 2.2 juta orang. Namun, sasaran ini menurun kepada 900 ribu orang pada PBKL 2009 yang berlangsung selama 10 hari pada penghujung April lalu.

"Penurunan jumlah pengunjung ini mungkin kerana faktor ekonomi – orang ramai mula berhati-hati ketika berbelanja. Namun dari segi jumlah penyertaan syarikat penerbitan pada PBKL 2009 agak memberangsangkan dengan pertambahan dua kali ganda berbanding dengan tahun lalu," jelas Halim.

Berdasarkan pemerhatian MBKM, banyak rakyat Malaysia yang menggemari buku. "Jika majoriti pengunjung PBKL membawa pulang beg yang sarat dengan buku, ini petanda baik kepada industri buku negara," katanya.

"Kita gembira ibu bapa datang bersama anak-anak ke PBKL. Secara tidak langsung mereka mempunyai kesedaran memupuk minat membaca dalam kalangan anak-anak mereka," jelasnya.

Tambahnya, tabiat membaca perlu dipupuk di rumah. Ibu bapa memainkan peranan yang besar menghidupkan budaya membaca dalam institusi keluarga. Sebagai langkah membudayakan ilmu, buku seharusnya dijadikan sebagai hadiah pada hari istimewa seperti sambutan hari kelahiran atau ketika anak mencapai keputusan peperiksaan yang cemerlang.

"Dari rumah hingga ke luar rumah, buku menjadi teman. Setiap rumah seharusnya mempunyai sudut bacaan sendiri. Jika budaya ini dipupuk sejak kecil,

# Karya Tempatan di Pentas Dunia

Tiada sebab karya tempatan dipinggirkan jika kita benar-benar berminat untuk memasarkannya ke peringkat antarabangsa kerana negara ini juga tidak kurang hebatnya mempunyai pengkarya, penulis, dan pelukis yang berbakat.

**OLEH SURIA JANIB**  
Foto: Armin Azahari Saleh



Headline **Karya tempatan di pentas dunia**  
Date **30 Jun 2009**  
MediaTitle **Dewan Masyarakat**  
Section **NEWS**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Monthly**  
ADValue **3,563**

Language **Malay**  
Page No **62,63**  
Article Size **799 cm<sup>2</sup>**  
Color **Full Color**  
PRValue **10,688**

apabila anak dewasa, budaya membaca terus mekar dalam hidup mereka,” sambungnya.

Penerbit buku tempatan katanya, disarankan memasang strategi pemasaran yang lebih berkesan seperti mengadakan potongan harga buku yang menarik serta memperbanyak penghasilan karya yang memenuhi keperluan pembaca.

Di peringkat sekolah, program Nadi Ilmu Amalan Membaca (NILAM) amat dialu-alukan untuk menyuburkan budaya membaca. Cuma, bahan bacaan yang dibekalkan di pusat sumber perlu berkualiti, mengikut standard, dan memenuhi keperluan sekolah.

MBKM di bawah Kementerian Pelajaran memayungi sebahagian besar penerbit buku di negara ini – Persatuan Penjual Buku, Persatuan Penerbit Buku, Persatuan Pengeksport dan Pengimport Buku, serta Persatuan Kontraktor Buku Malaysia bergabung mewujudkan Majlis Industri Buku.

MBKM berusaha menyediakan latihan membina dan menambahkan bilangan kapasiti pengkarya, penulis, ilustrator, atau pihak yang terbabit dalam industri buku. MBKM juga cuba memperhalus “kandungan” Dasar Buku Negara supaya relevan dengan keadaan semasa.

Mengikut Dasar Buku Negara, purata pengeluaran judul buku di negara ini ialah kira-kira 16 ribu

judul dalam tempoh setahun. Namun, berdasarkan keperluan semasa, MBKM menasaskan pengeluaran kepada 27 ribu judul buku iaitu satu judul untuk keperluan 1000 orang penduduk di negara ini.

Menurut Halim, perkembangan buku berbahasa Melayu di negara ini menampakkan potensi yang cerah. “Selepas berbincang dengan ITNM, pihak MBKM berhasrat untuk menambahkan bilangan peserta dalam kursus penterjemahan dalam pelbagai bidang,” jelasnya.

Menurutnya, buku dwibahasa yang dilancarkan oleh ITNM semasa PBKL 2009 iaitu buku kisah dongeng dari Malaysia yang diterjemahkan ke dalam bahasa Jerman dan kisah dongeng Jerman yang diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu sangat menarik minat orang ramai. Begitu juga terjemahan karya daripada penulis Amerika Syarikat berjudul *Barack Obama: Keberanian Menggapai Harapan*, satu usaha murni ITNM mengangkat karya bahasa Inggeris ke dalam bahasa Melayu.

“Kita sepatutnya mencontohi negara jiran, penerbit Indonesia yang tidak putus-putus menterjemahkan karya asing dengan tempoh masa yang singkat. Namun, kita tidak seperti Indonesia yang mengagungkan bahasa rasminya (bahasa Indonesia) berbanding dengan bahasa Inggeris. Penerbit Indonesia lebih ke depan kerana mempunyai bilangan penulis dan penterjemah yang banyak,” ulasnya.

Menurutnya, industri buku negara ini sepatutnya tidak melihat penerbitan buku di dalam pasaran negara semata-mata, sebaliknya berusaha menjual hak cipta karya penerbitan ke pasaran antarabangsa. Dagangan hak cipta karya penerbitan merupakan bidang yang menguntungkan industri buku.

Bagi mengembangkan industri buku, MBKM cuba mengaktifkan anugerah buku, pengkarya, dan pihak yang terlibat dalam industri buku. Penghasilan karya dalam bentuk buku boleh dikembangkan ke dalam filem.

“Semasa saya mengunjungi pesta buku kanak-kanak di Bologna, Itali, Mac lalu, banyak penerbit luar menyatakan rasa minatnya terhadap produk Malaysia yang kita perkenalkan kepada mereka,” kata Halim.

Menurutnya lagi, tiada sebab karya tempatan dipinggirkan jika kita benar-benar berminat untuk memasarkannya ke peringkat antarabangsa kerana negara ini juga tidak kurang hebatnya mempunyai pengkarya, penulis, dan pelukis yang berbakat. **DM**

\* Beliau Ahli Ganti Ahli Lembaga Pengelola DBP kepada Dato’ Haji Alimuddin Haji Mohd Dom, Ketua Pengarah Pelajaran, sejak awal Januari 2009 hingga kini.

#### Profil Ringkas Abdul Halim Ismail\*

|                  |  |
|------------------|--|
| Asal             | : Selangor   |
| Tarikh lahir     | : 2 Januari 1957   |
| Latar pendidikan | : Universiti Putra Malaysia (Bidang Biokimia).   |
|                  | : Ohio State University, Amerika Syarikat (Bidang Pembangunan Sumber Manusia).                       |
| Pengalaman       | : Guru Sains di tiga buah sekolah di Sabah (1983 – 1988).  |
|                  | : Guru Sekolah Alam Shah (1989 – 1991).  |
|                  | : Terlibat dalam program mata pelajaran Sains dan Matematik di Kementerian Pendidikan (1991 – 1997). |
|                  | : Pegawai Khas kepada Ketua Pengarah Pelajaran (November 1999 – Jun 2002).                           |
|                  | : Atase Pendidikan, Jabatan Penuntut Malaysia, New Zealand (Jun 2002 – 2005).                        |
|                  | : Perancang Sekolah Kluster (Jun 2007)   |
|                  | : Pengarah Urus Setia Tetap MBKM (November 2007 – kini).   |